

Tahap Kesiediaan Guru – Guru PKPG Kemahiran Hidup (KH) UTM Mengajar Lukisan Kejuruteraan Di Dalam Bahasa Inggeris

Azlina Mohd.Kosnin & Zarinah Md. Saleh
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kesediaan guru – guru PKPG Kemahiran Hidup (KH) UTM mengajar Lukisan Kejuruteraan Di Dalam. Aspek yang dikaji dalam kajian ini meliputi tahap kesediaan guru – guru PKPG dari aspek minat, sikap dan penguasaan mereka dalam mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris. Perkaitan antara minat , sikap dan penguasaan guru – guru PKPG turut ditinjau. Sampel kajian melibatkan 112 orang responden yang sedang menuntut di UTM yang kini berada di tahun 4 SPH 2008. Soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mendapatkan data kajian. Data mentah yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian komputer *SPSS 14.0 for windows*. Kekekapan, peratusan, min dan sisihan piawai dikira. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan mendapati responden mempunyai tahap kesediaan yang sederhana sama ada dari aspek minat, sikap dan penguasaan. Kajian juga mendapati terdapat perkaitan kuat yang signifikan antara aspek minat , sikap dan penguasaan.

Abstract: The objective of this research is to investigate PKPG (Living Skills) teachers' readiness to teach Engineering Drawing in English. The aspects that were studied include PKPG teachers' readiness in terms of interest, attitude and competency to teach Engineering Drawing in English. The relationship between interest, attitude and English Competency were also investigated. Respondents were 112 4th year UTM PKPG students. Questionnaire as used to gain research data. The raw data obtained were analysed using SPSS for windows (Version 14.0). Results are presented in the form of frequency, percentage, mean and standard deviation. The study shows that the respondents' readiness in term of interest, attitude and competency are moderate. The study also shows that there are strong significant correlations between interest, attitude and competency.

Katakunci: Bahasa Inggeris, kesediaan guru – guru PKPG, Lukisan Kejuruteraan, mengajar

Pengenalan

Kemajuan sains dan teknologi menuntut kita agar boleh menggunakan dan berbahasa Inggeris dengan baik dan fasih. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang terpenting di dalam perhubungan dan perdagangan antarabangsa, kini ia menjadi bahasa kedua terpenting di dalam sistem pendidikan di Negara ini. Dengan bahasa Inggeris individu dapat berinteraksi dengan lebih baik dan berkesan dengan semua Negara di dunia atau berinteraksi secara global. Kebanyakan sumber-sumber penyelidikan dan bacaan adalah di dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa Inggeris telah diwajibkan di semua sekolah kerana kepentingannya dalam pendidikan tinggi, perdagangan dan juga hal ehwal antarabangsa. Dengan pengajaran bahasa Inggeris di semua sekolah, peluang bagi pelajar untuk mendapatkan pelajaran tinggi lebih terbuka luas.

Penyataan Masalah

Kertas Taklimat Jemaah Menteri bertarikh 19 Julai 2002 adalah merangkumi semua mata pelajaran Sains Tulen, Matematik, Teknikal dan Teknologi Maklumat. Pengenalan pelajaran Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris di sekolah sama ada di SM Teknik atau SM Kebangsaan mungkin menimbulkan masalah kepada guru-guru PKPG dan khususnya kepada para pelajar.

Guru perlu memainkan peranan yang penting bagi merealisasikan impian dan wawasan Negara. Sebelum mengajar di dalam bahasa Inggeris, mereka perlu menguasai bahasa Inggeis dengan baik agar ilmu yang disampaikan dapat diterima oleh pelajar dengan lebih baik dan berkesan.

Justeru itu, kajian yang akan dijalankan ini adalah bagi mengenalpasti tahap kesediaan guru-guru PKPG Kemahiran Hidup dari aspek minat, sikap serta penguasaan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris.

Objektif Kajian

Secara amnya, kajian yang bakal dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap persediaan guru-guru PKPG Kemahiran Hidup untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di dalam Bahasa Inggeris.

Objektif kajian yang akan dijalankan ini ialah :

1. Menenalpasti tahap kesediaan guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek minat.
2. Menenalpasti tahap kesediaan guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek sikap.
3. Menenalpasti tahap kesediaan guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek penguasaan .
4. Menenalpasti perkaitan antara aspek minat dan sikap dengan kebolehan mereka dalam menguasai Lukisan Kejuruteraan di dalam Bahasa Inggeris .

Kepentingan Kajian

Kajian yang bakal dijalankan ini adalah untuk mengetahui gambaran dan maklumat yang lebih jelas dan tepat tentang persediaan guru-guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam Bahasa Inggeris.

Fakulti Pendidikan, UTM memikul tanggungjawab ini untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti di bidang pendidikan dan mempunyai tahap komunikasi bahasa Inggeris yang baik. Mempertingkatkan kemahiran pengajaran pengajar dan mempelopori kaedah serta menghasilkan bahan yang bermutu bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pelajar.

Hasil kajian ini juga berkepentingan kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Bahagian Latihan dan Biasiswa KPM dalam membentuk dasar dalam aspek latihan sumber tenaga manusia bagi melahirkan guru-guru yang mempunyai kemahiran komunikasi di dalam bahasa Inggeris dengan baik dan fasih.

Kajian ini juga boleh dijadikan panduan dalam mempertingkatkan kualiti kaedah pengajaran dan tahap persediaan guru dari aspek sikap, minat dan penguasaan di dalam bahasa Inggeris.

Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini melibatkan guru - guru yang sedang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) Kemahiran Hidup di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor yang sedang menuntut di tahun 4 2008.

Metodologi

Populasi Dan Sampel Kajian

Kaedah pemilihan sampel yang di pilih merupakan kaedah persampelan tidak rawak. Secara umumnya, persampelan tidak rawak yang dipilih merupakan sampel bertujuan. Iaitu penyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi (Mohd. Najib, 1999).

Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih guru PKPG Kemahiran hidup yang kini berada di tahun 4 SPH, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Bahru, Johor.

Instrumen Kajian

Untuk penyelidikan ini, soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik digunakan sebagai instrumen kajian. Item yang dibina adalah berdasarkan kepada kehendak objektif kajian. Ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian. Set soalan diedarkan kepada guru PKPG yang telah dipilih. Berdasarkan soal selidik yang disediakan, penyelidik yakin bahawa data yang diperolehi adalah tepat dan jitu.

Menurut Norbaizura (2007) pemilihan soal selidik sebagai instrumen adalah berdasarkan beberapa sebab iaitu; (1) untuk memperolehi data yang lebih tepat dan responden dapat memberikan maklum balas yang lebih cepat terhadap perkara yang ingin dikaji berbanding dengan kaedah lain; (2) penyelidik boleh berhubung atau bekerjasama dengan responden dengan lebih mudah; (3) menjimatkan masa, tenaga serta perbelanjaan / kos.

Pembahagian Soalan

Soal selidik yang dibina merangkumi 34 soalan. Ianya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi maklumat latar belakang responden. Item – item terdiri daripada jantina, etnik, pengalaman mengajar dan keputusan Muet.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Ia merangkumi soalan ;

1. Tahap kesediaan guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek minat ?
2. Tahap kesediaan guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek sikap ?
3. Tahap kesediaan guru PKG Kemahiran Hidup mengaja Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek penguasaan ?

Semua item yang dibina berbentuk soalan tertutup. Skala lima mata telah dipilih untuk mengukur darjah persetujuan responden terhadap item – item yang diberikan. Skala lima mata yang digunakan bagi mengenalpasti tahap kesediaan responden dalam mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris. Menurut Mohammad Najib dalam Norbaizura (2007),digunakan apabila subjek atau responden

dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain, contohnya dari ' sangat setuju ' kepada ' sangat tidak setuju.

Kajian Rintis

Kajian rintis yang dijalankan untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang telah disediakan. 10 orang pelajar perdana yang mengikuti program Kemahiran Hidup dari fakulti pendidikan UTM telah dipilih.

Data yang dikumpul dari kajian rintis dianalisis, bagi memastikan kebolehpercayaan item tersebut. Item yang mempunyai kebolehpercayaan yang rendah akan dibuang dan diubahsuai semula.

Keputusan

Jadual 1: Rumusan dapatan kajian

TAHAP KESEDIAAN	NILAI MIN	TAHAP
MINAT	2.57	RENDAH
SIKAP	3.21	SEDERHANA
PENGUASAAN	2.7	SEDERHANA

Daripada data yang diperolehi, peyelidik dapat merumuskan bahawa secara keseluruhannya, guru – guru PKPG mempunyai tahap persediaan yang sederhana dalam persediaan untuk mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris sama ada dari aspek sikap, minat dan tahap penguasaan mereka. Kajian juga mendapati perkaitan yang signifikan yang tinggi / kuat di antara kesediaan guru PKPG dari aspek minat dan sikap dengan kebolehan mereka menguasai Lukisan Kejuruteraan di dalam Bahasa Inggeris.

Perbincangan

Tahap kesediaan guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek minat .

Secara keseluruhannya, responden mempunyai tahap kesediaan dari aspek minat adalah rendah. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru – guru PKPG tidak / kurang berminat untuk mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris. Daripada data yang dikumpul, julat min pada bahagian ini adalah 2.25 hingga 2.95.

Responden menunjukkan persepsi yang negatif dengan menyatakan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan bahasa Inggeris akan menjadikan pengajaran mereka tidak seronok, tidak menarik serta kurang berkesan. Oleh kerana itu mereka lebih selesa, yakin dan lebih berminat untuk mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Melayu. Sejarar dengan itu telah wujud pelbagai maklum balas yang menunjukkan masih ramai guru yang masih belum bersedia untuk mengajar mata pelajaran yang berkaitan di dalam bahasa Inggeris. Ini merupakan cabaran yang amat besar terhadap guru-guru yang telah dilatih untuk menyampaikan pengajaran di dalam bahasa Melayu, dan kemudian terpaksa mengajar di dalam bahasa Inggeris dengan tepat serta penggunaan perkataan dan tatabahasa yang penuh dengan kesilapan (Khor Wen Fei, 2006).

Seharusnya, para pendidik perlu mengambil peluang dan cabaran ini bagi meningkatkan taraf pendidikan dan juga kemahiran komunikasi agar dapat berinteraksi dengan lebih baik dan berkesan secara global. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Fatimahwati (2006), didapati minat mempengaruhi tahap kesediaan guru untuk mengajar mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris. Purata nilai min yang ditunjukkan 4.01. Secara keseluruhannya faktor minat banyak mempengaruhi guru teknikal dalam pengajaran mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris.

Tahap kesediaan guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek sikap . Daripada data yang dikumpul, julat min pada bahagian ini adalah 2.50 hingga 3.92. Secara keseluruhannya responden mempunyai tahap kesediaan yang sederhana dalam pengajaran Lukisan Kejuruteraan menggunakan bahasa Inggeris.

Dapatan kajian juga mendapati guru – guru PKPG mempunyai sikap yang positif dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran walaupun ada di antara mereka yang beranggapan bahawa pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahasa Inggeris akan membebankan mereka. Responden menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahasa Inggeris dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat membantu mereka dalam mempertingkatkan kemahiran bahasa Inggeris dan segala ilmu pengetahuan yang akan disampaikan dapat diterima dengan lebih baik oleh pelajar.

Analisis keseluruhan kajian ini didapati sejajar dengan keseluruhan kajian yang dijalankan oleh Fatimahwati (2006), menunjukkan guru – guru teknikal yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bahasa Inggeris mempunyai persepsi dan sikap yang begitu positif dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Keseluruhan data min yang yang dicapai pada tahap yang tinggi iaitu 4.01.

Responden juga mempunyai sikap yang positif bagi meningkatkan kualiti pengajaran dengan melakukan banyak bacaan bahan rujukan mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dengan menunjukkan nilai min 3.35 pada tahap sederhana. Di mana 8 responden (47 %) bersetuju, 6 responden (35 %) tidak pasti dan 3 orang responden (18 %) tidak setuju. Guru yang mempunyai sikap yang positif mampu menarik minat pelajar untuk mengikuti pengajaran dengan lebih baik dan yakin.

Responden juga bersetuju bahawa bahasa Inggeris mempunyai kepentingan dalam pembangunan sesebuah Negara dan perhubungan antara manusia secara global.

Tahap kesediaan guru PKPG Kemahiran Hidup mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris dari aspek penguasaan.

Daripada data yang dikumpul, julat min pada bahagian ini adalah 2.36 hingga 3.18. Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa guru – guru PKPG mempunyai tahap penguasaan dalam bahasa Inggeris berada di tahap yang sederhana.

Hasil kajian yang dilakukan, didapati sejajar dengan kajian yang telah dilakukan oleh Fatimahwati (2006), hasil dari kajian yang dilakukan di dapati tahap penguasaan dalam bahasa Inggeris guru teknikal berada pada tahap sederhana iaitu pada nilai min 2.35.

Walapupun tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka di tahap yang sederhana, guru – guru PKPG ini mempunyai inisiatif yang positif dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa Inggeris mereka dengan melakukan pembacaan yang berkaitan dalam bahasa Inggeris.

Mereka juga bersedia untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris tanpa timbulnya perasaan malu, semata-mata untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam komunikasi. Tindakan yang dilakukan responden sejajar dengan pendapat Atan Long (1998) bahawa penguasaan dalam sesuatu mata pelajaran atau kemahiran merupakan aset penting bagi seseorang guru yang mempunyai pengetahuan yang secukupnya dapat melakukan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Berbagai cara boleh dilakukan untuk meningkatkan tahap penguasaan guru terhadap sesuatu mata pelajaran seperti menghadiri seminar, ceramah, dan kursus dalam perkhidmatan.

Dengan langkah – langkah yang diambil, mampu membantu responden untuk mempertingkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa Inggeris mereka pada masa akan datang sama ada secara lisan ataupun bukan lisan.

Perkaitan antara kesediaan guru PKPG dari aspek minat dan sikap dengan penguasaan mereka dalam mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam Bahasa Inggeris.

Hasil analisis menjelaskan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara kesediaan guru PKPG dari aspek minat dan sikap dengan penguasaan mereka dalam mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris. Nilai signifikan yang diperolehi $p < 0.01$.

Rumusan

Para guru perlu mengambil berat dan memainkan peranan bagi menjayakan usaha kerajaan bagi memastikan pelajar yang akan dihasilkan mempunyai kualiti dan mantap kemahiran berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris. Dengan penguasaan bahasa Inggeris dan akademik yang cemerlang pelajar dapat melangkah lebih jauh dan mempunyai masa depan yang cerah dan terjamin kerjayanya.

Hasil analisis data menunjukkan bahawa guru – guru PKPG mempunyai tahap kesediaan yang sederhana dalam mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara kesediaan guru PKPG dari aspek minat dan sikap dengan penguasaan mereka dalam mengajar Lukisan Kejuruteraan di dalam bahasa Inggeris menunjukkan nilai signifikan yang tinggi / kuat.

Penggunaan instrumen dan sampel dalam kajian ini boleh diperluaskan lagi dan dikaji kembali bagi mengenalpasti kelemahan yang ada. Langkah – langkah yang bersesuaian perlu diambil oleh pihak – pihak yang terbabit agar langkah – langkah yang bersesuaian dapat diambil.

Rujukan

Ahmad Kilani Mohamed (2003). “ Pengurusan Pendidikan di Sekolah “. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Atan Long (1998). “ Psikologi Pendidikan “. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biehler & Snowman (1993). “ Psychology Applied to Teaching “. Boston, Toronto : Houghton Mifflin Company.

Dr. Ee Ah Meng (1998). “ Psikologi Perkembangan Aplikasi Dalam Bilik Darjah “. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Khor Wen Fei (2006). “ Persepsi Guru Sains ETeMS Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Subjek Sains (ETeMS) di Sekolah Menengah Kawasan Skudai “. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004). “ Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi “. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Mook Soon Sang (1996). “ Pengenalan Kepada Pedagogi “. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Norbaizura Ali (2007). “ Amalan Kepimpinan Transformasi Guru Besar Di Dua Buah Sekolah Di Johor Bahru “. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Samsul Bahari Zawawi (2004). “ Masalah Pembelajaran Pelajar Tahun 3 Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pendidikan (SPA/SPE/SPJ/SPH) Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) di UTM “. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (2000). “ Ilmu Pendidikan Pedagogi “. Kuala Lumpur : Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sidang Pengarang (2003). “ Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) “. Petaling Jaya : Penerbit Femina.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993). “ Wawasan Pendidikan Negara “. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.